

14 SEP 1999

Mahathir-Timor Timur

ASEAN PERLU BANTU SELESAIN MASALAH DI TIMOR TIMUR, KATA DR M

KUALA LUMPUR, 14 Sept (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, Malaysia berpendapat bahawa negara-negara Asean yang sepatutnya menghantar pasukan pengaman untuk membantu mententeramkan keadaan di Timor Timur.

"Tetapi nampak jelas bahawa negara-negara lain terutamanya Australia nak sangat hantar tenteranya ke Timor Timur, ini adalah tabiat mereka, mereka suka sangat kalau ada peluang nak menekan jiran, nak memburukkan jiran itu cara merekalah," katanya.

Beliau berkata demikian sebagai mengulas peranan Asean dalam membantu menyelesaikan pergolakan di Timor Timur pada persidangan berita selepas berucap pada satu perhimpunan raksasa "Pemimpin Bersama Rakyat" di Padang AU2, Taman Keramat dekat sini,

Keganasan di Timor Timur tercetus setelah lebih 78 peratus penduduknya mengundi untuk berpisah dari Indonesia melalui pungutan suara rakyat yang dikendalikan oleh Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) pada 30 Ogos lepas menyebabkan rasa tidak puas hati pada kumpulan pro Jakarta.

Presiden Indonesia B.J. Habibie mengumumkan pada Ahad lepas bahawa republik itu bersetuju membenarkan pasukan pengaman PBB dihantar ke Timor Timur bagi menamatkan kekacauan di bekas tanah jajahan Portugis itu.

Dr Mahathir berkata, Malaysia tidak ada masalah untuk menghantar pasukan tenteranya ke Timor Timur dan telah memberi pengakuan kepada Habibie tentang perkara itu.

"Kita tak ada masalah bahkan kita bagi pengakuan kepada Habibie iaitu kalau dia nak kita, kita selalu bersedia," katanya.

Semalam Perdana Menteri juga berkata bahawa Malaysia telah memberi pengakuan kepada Setiausaha Agung PBB Kofi Annan mengenai kesediaannya menghantar tentera untuk menyertai pasukan pengaman PBB di Timor Timur.

Perdana Menteri berharap negara-negara Asean yang lain turut dapat membantu menyelesaikan masalah di Timor Timur itu.

Beliau juga berkata bahawa Indonesia masih bertanggungjawab terhadap Timor Timur kerana wilayah itu telah berada di bawah pemerintahannya selama kira-kira 25 tahun.

-- BERNAMA

AFY PR